




Skim Bursari BP40



Apply now



Get in touch with us

Skim Bursari BP40

Universiti Teknologi Swinburne Kampus Sarawak dan Yayasan Sarawak menawarkan Skim Bursari BP40 bagi pelajar Bumiputera Sarawak yang layak.

Bursari ini menawarkan yuran pengajian bersubsidi kepada pelajar untuk mengikuti pengajian tahap pra-universiti, diploma mahupun sarjana muda.

Terhad kepada 100 pelajar setahun.

Pelajar yang memperoleh bursari BP40 ini akan menikmati rebat sebanyak 40% dari jumlah yuran pengajian.



Pertukaran dan pemindahan pengajian ke kampus Melbourne



Ijazah diiktiraf oleh kerajaan Negeri Sarawak dan boleh digunakan bagi permohonan pekerjaan



Dengan sokongan Yayasan Sarawak dan Kerajaan Negeri Sarawak



Untuk isi rumah kumpulan B40/M40 Bumiputera Sarawak sahaja

Program	Tempoh	Jumlah Yuran Bersubsidi (RM)	Jumlah Asal Yuran Program 2022
Pengajian Pra-Universiti dalam bidang Perniagaan, Seni Reka, Kejuruteraan / Sains, Teknologi Maklumat / Multimedia	1 tahun	5,470.00	18,360.00
Diploma - Perakaunan - Pengurusan Perniagaan	2.5 tahun	18,410.00	36,090.00
Sarjana Muda - Perniagaan - Seni Reka - Sains - Teknologi Maklumat - Sains Komputer - Kejuruteraan (Kepujian) - Kejuruteraan (Kimia) (Kepujian) - Media and Communications	3 tahun 3 tahun 3 tahun 3 tahun 3 tahun 4 tahun 4 tahun 3 tahun	18,490.00 22,930.00 24,340.00 18,780.00 18,780.00 32,180.00 29,940.00 18,490.00	77,040.00 95,520.00 101,400.00 76,320.00 76,320.00 134,080.00 124,720.00 77,040.00
Dwi Ijazah - Kejuruteraan / Perniagaan - Kejuruteraan / Sains Komputer	5 tahun 5 tahun	37,400.00 37,400.00	155,800.00 155,800.00

Maklumat yang terkandung dalam jadual ini adalah betul pada masa penerbitan iaitu Mei 2022. Swinburne berhak untuk mengubah atau meminda maklumat yang terkandung di dalam jadual ini. Yuran unit MPU RM400 tidak termasuk dalam yuran pengajian.

Pelajar hanya perlu membayar deposit RM500 setelah permohonan bursari BP40 dan Pinjaman Pengajian Yayasan Sarawak diluluskan.

Pelajar yang ditawarkan bursari diperingkat Pra-Ijazah dimestikan melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Muda.

Pinjaman pelajaran Yayasan Sarawak

Pelajar juga layak memohon Pinjaman Pengajian Yayasan Sarawak bagi membantu menampung yuran selebihnya.

Pemohon juga ditawarkan pinjaman sebanyak RM4,000 setahun sebagai elaun sara hidup.

Bagi pelajar yang telah tamat pengajian peringkat Diploma atau Sarjana Muda, mereka akan ditawarkan rebat keatas yuran pengajian selanjutnya seperti berikut:

- purata gred mata kumulatif 3.5 ke atas: rebat sebanyak 75% yuran pengajian
- purata gred mata kumulatif 3.0 ke atas: rebat sebanyak 50% yuran pengajian

Untuk mendapat rebat ini, pemohon dikehendaki melampirkan dokumen seperti dibawah semasa membuat permohonan:

- salinan slip gaji / Penyata Penggajian ibubapa
- salinan Kad Pengenalan ibubapa.

Kursus Bahasa Inggeris

Kursus Bahasa Inggeris ini bertujuan membantu anda menguasai kemahiran bahasa Inggeris yang diperlukan untuk pembelajaran di universiti.

Kursus Bahasa Inggeris	Jumlah asal yuran program 2022	Yuran selepas subsidi Skim Bursari BP40
Peringkat 3, 4 & 5	2,678.00	669.50

Cara memohon

LANGKAH 1: Lengkapkan borang di swinburne.edu.my/bp40-bm

LANGKAH 2: Kami akan menghubungi anda

LANGKAH 3: Surat tawaran pengajian akan dihantar kepada anda

Kemasukan 2022

Pra-Universiti	3 Januari, 11 April, 20 Jun, 5 September
Diploma	11 April, 5 September
Sarjana Muda	3 Januari*, 28 Februari, 5 September

*Untuk bidang Perniagaan dan Kejuruteraan sahaja